



ATURAN KUMPULAN WANG KEBAJIKAN ANGGOTA KKIBLM

KOPERASI KOMUNITI ISLAM BANDAR LAGUNA MERBOK BERHAD

ATURAN KUMPULAN WANG KEBAJIKAN ANGGOTA KKIBLM

Tajuk	1	i. Aturan ini adalah dinamakan Aturan Kumpulan Wang Kebajikan Anggota Koperasi Komuniti Islam Bandar Laguna Merbok (KKIBLM). ii. Aturan ini diwujudkan dibawah Undang-Undang Kecil 9(1d) dan berkuatkuasa selepas persetujuan mesyuarat agung perwakilan koperasi ini.
Tafsiran	2	Di dalam aturan ini, melainkan ada sesuatu perkara atau perkataan yang berlainan maknanya. Maka tafsiran berikut adalah dipakai :- “Koperasi” bermaksud Koperasi Komuniti Islam Bandar Laguna Merbok Berhad. “Anggota” bermaksud anggota Koperasi Komuniti Islam Bandar Laguna Merbok. “Waris” bagi anggota status berkahwin ialah suami atau isteri atau anak. bagi anggota status bujang ialah ayah atau ibu atau waris terdekat atau penama. “Lembaga” bermaksud Lembaga Koperasi Komuniti Islam Bandar Laguna Merbok. “Anak” bermaksud anak kandung anggota Koperasi Komuniti Islam Bandar Laguna Merbok.
Tujuan	3	Tujuan Kumpulan Wang Kebajikan Anggota (selepas ini disebut “Kumpulan Wang Ini”) diwujudkan adalah untuk :- a) Pemberian wang khairat kematian sebagai sumbangan mengurus kematian anggota kepada warisnya. b) Memberi bantuan kepada anggota yang berada dalam kesusahan kerana perkara berikut: i. Kebakaran rumah; ii. Banjir yang menyebabkan perabot dan kelengkapan rumah musnah atau rosak; iii. Tanah runtuh atau ribut yang menyebabkan kerosakan pada tempat kediaman; dan iv. Lain-lain kesusahan yang difikirkan Lembaga, perlu diberikan bantuan. c) Sumbangan penghargaan kecemerlangan pelajaran kepada anak anggota.

- Kelayakan 4
- a) Waris kepada anggota koperasi layak menerima sumbangan wang khairat kematian.
 - b) Anggota koperasi layak menerima subangan wang sekiranya terlibat bencana seperti disenaraikan dibawah 3(b)
 - c) Anak kepada anggota koperasi layak menerima sumbangan penghargaan kecemerlangan pelajaran
- Kadar Sumbangan 5 Koperasi boleh memberi sumbangan kepada anggota melalui Kumpulan Wang ini atas kadar berikut:

KADAR SUMBANGAN BAGI KHAIRAT KEMATIAN ANGGOTA

KEMATIAN ANGGOTA	RM 200.00
------------------	-----------

KADAR SUMBANGAN BAGI KECEMERLANGAN ANAK ANGGOTA DALAM PELAJARAN

PEPERIKSAAN	KELAYAKAN	SUMBANGAN (RM)
SPM	7A dan keatas	150.00
STPM	3A dan keatas	150.00
STAM	Jayyid dan keatas	150.00
DIPLOMA	Tawaran kemasukan Diploma di mana-mana IPTA/IPTS	200.00
SIJIL TAHFIZ (Diiktiraf)	Lulus Ujian Tasmik	300.00
IJAZAH SARJANA MUDA	Tawaran kemasukan Ijazah Sarjana Muda di mana-mana IPTA/IPTS	300.00

KADAR SUMBANGAN BAGI ANGGOTA TERLIBAT BENCANA

ANGGOTA TERLIBAT BENCANA	RM 200.00
--------------------------	-----------

- Sumber Kewangan 6 Sumber kewangan Kumpulan Wang Kebajikan ini adalah daripada:-
- i. Tidak lebih 10% dari untung bersih teraudit koperasi dan;
 - ii. Derma dan sumbangan yang diterima khas untuk Kumpulan Wang Kebajikan ini.
- Pentadbiran Tabung 7
- i. Kumpulan Wang Kebajikan ini hendaklah ditadbir atau diuruskan oleh Jawatankuasa Kecil Kumpulan Wang Kebajikan yang dilantik oleh Lembaga koperasi ini.
 - ii. Mereka yang diberikan kuasa mengeluarkan wang oleh Undang-Undang Kecil adalah dengan sendirinya menjadi ahli Jawatankuasa Kecil ini.

		iii.	Jawatankuasa Kecil Kumpulan Wang Kebajikan Anggota berhak menguruskan kumpulan wang ini untuk perkara lain yang tidak disenaraikan tujuannya seperti dibawah 3(a)(b)(c) dengan kelulusan Lembaga.
Tahun Kewangan	8		Tahun Kewangan Kumpulan Wang Kebajikan hendaklah bermula pada 01hb Januari dan berakhir pada 31hb Disember tiap-tiap tahun.
Permohonan	9	i.	Semua permohonan untuk mendapatkan sumbangan daripada Kumpulan Wang ini hendaklah melalui borang permohonan rasmi yang disediakan oleh koperasi.
		ii.	Permohonan tersebut hendaklah disertakan bersama dokumen-dokumen yang diperlukan seperti salinan kad pengenalan anggota dan lain-lain dokumen berkaitan.
Proses Permohonan	10	i.	Borang permohonan beserta dokumen-dokumen yang mengesahkannya hendaklah diproses oleh Jawatankuasa Kecil Kumpulan Wang Kebajikan Anggota ini.
		ii.	Jawatankuasa Kecil ini hendaklah menentukan permohonan tersebut dibuat mengikut kehendak dan syarat-syarat dalam aturan ini sebelum diperakukan oleh Lembaga.
Pembayaran	11	i.	Semua pembayaran sumbangan boleh dibuat hanya selepas tarikh Lembaga mengadakan mesyuarat bagi meluluskannya.
		ii.	Semua pembayaran akan dilakukan secara tunai atau pindahan wang ke dalam akaun bank pemohon.
Penggantungan Derma	12	i.	Jika kedudukan Kumpulan Wang Kebajikan Anggota ini mengalami kesulitan kewangan, maka Lembaga hendaklah menggantung aktivitiya sehingga kesulitan kewangan itu dapat dipulihkan semula.
		ii.	Anggota-anggota koperasi hendaklah diberitahu melalui surat pekeliling mengenai penggantungan atau pemulihan semula Kumpulan Wang Kebajikan Anggota ini.
Makluman Kepada Mesyuarat Agung	13		Lembaga hendaklah membentangkan di dalam mesyuarat agung laporan-laporan mengenai aktiviti-aktiviti Kumpulan Wang Kebajikan Anggota ini serta membuat cadangan-cadangan bagi penambahbaikan.
Pertikaian	14		Jika terdapat isu yang berbangkit, sebarang perselisihan faham di atas tafsiran aturan-aturan ini atau timbul apa-apa perbalahan mengenainya, maka pertikaian itu hendaklah dirujuk kepada Suruhanjaya.

ATURAN KUMPULAN WANG KEBAJIKAN ANGGOTA INI TELAH DILULUSKAN PADA
MESYUARAT AGUNG PERWAKILAN BERTARIKH:



EN. AKMAL HIZAM BIN DARUS
Pengerusi



EN. AL SYAFIQ BIN AL AMIN MALIM
Setiausaha



EN. MUHAMAD RASHID BIN ISHAK
Bendahari